

**Lawatan Muhyiddin Pererat Hubungan, Perluas Kerjasama Dagang Malaysia-UAE
Bernama
16 Mei, 2012
Oleh Ahmad Shukran Shaharudin**

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Lawatan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) pada 7 hingga 9 Mei lepas membuka peluang baru hubungan dua hala, perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan negara pengeluar minyak Asia Barat itu.

Kerjasama itu termasuk dalam mengendalikan isu pekerja asing, yang sangat penting kerana Malaysia dan UAE masing-masing menggunakan khidmat pekerja asing, sama ada pekerja mahir dan tidak mahir.

Walaupun tidak menggunakan khidmat seramai lima juta orang pekerja asing seperti UAE, Malaysia yang mempunyai dua juta pekerja asing berdaftar juga mahu berkongsi pengalaman mengendalikan isu berkenaan.

Rata-rata penduduk UAE sendiri mengisi jawatan tinggi kerajaan dan jawatan kanan sektor swasta.

"Rakyat Malaysia yang bekerja, berniaga di UAE amat disenangi oleh Putera Mahkota Abu Dhabi Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan. Oleh itu, profesional yang berada di sini perlu memberikan yang terbaik dalam membantu membangunkan UAE," kata Muhyiddin kepada pemberita Malaysia sebelum berlepas pulang ke ibu negara Khamis lepas.

Secara berjenaka, Muhyiddin berkata beliau memberitahu Sheikh Mohamed supaya memaklumkan kepada kerajaan Malaysia sekiranya ada apa-apa masalah yang ditimbulkan oleh rakyat Malaysia di sana.

Terdapat sebanyak 6,000 rakyat Malaysia di UAE dengan 2,000 masing-masing di Abu Dhabi dan Dubai, dan selebihnya di kawasan lain UAE seperti Sharjah dan lain-lain. Setakat ini mereka menjadi duta kecil Malaysia yang menjunjung nama negara dan menjulang Jalur Gemilang dengan baik.

Bukti hubungan yang akrab antara Malaysia-UAE terserlah apabila dalam pertemuan dengan Muhyiddin di sebuah istana di sini, Sheikh Mohamed menyuarakan hasrat mahu melawat Malaysia sekali lagi. Ini selepas lawatan kali terakhirnya ke Malaysia pada Jun lepas bagi merasmikan Projek Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) bersama-sama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dari sudut hubungan dagang, Malaysia-UAE dijangka meningkatkan lagi nilainya dengan perancangan mewujudkan majlis perdagangan bersama, selain mengekalkan majlis perdagangan bersama Dubai-Kuala Lumpur selama ini.

Pada tahun 2011, UAE ialah rakan dagang terbesar Malaysia di rantau itu dan destinasi eksport dalam lingkungan negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) serta sumber kedua terbesar import dari GCC.

Perdagangan antara Malaysia dan UAE telah menunjukkan trend menaik, daripada US\$6.1 bilion pada tahun 2010 kepada US\$6.8 bilion pada 2011, iaitu meningkat 6.4 peratus.

"Kita komited untuk mendapatkan hasil dan syor dalam pertemuan hari ini, anggota yang

tidak hadir di sini semuanya sama penting kepada pertumbuhan ekonomi dan transaksi perniagaan antara kedua negara kita," kata Naib Pengerusi Pertama Dewan Perdagangan Perindustrian Khalfan Saeed Al Kaabi.

Semasa mesyuarat meja bulat antara Muhyiddin, pemimpin dan penggiat industri Malaysia dan UAE, Khalfan berkata pertumbuhan itu disedari oleh kedua-dua pihak dan terus mengalami pertumbuhan disebalik kemelesetan di tempat-tempat lain.

Pada masa ini, Khalfan berkata, mereka mempunyai 28 entiti kerajaan dan separuh kerajaan dan bagi bagi mereka yang ingin tahu mengenai perniagaan, peraturan dan kerangka kerja yang terlibat, adalah dipelawa untuk berbuat demikian.

Kepercayaan tinggi kepada syarikat-syarikat Malaysia itu juga dijelmakan dengan dua syarikat Malaysia dan UAE, menandatangani perjanjian persefahaman yang bernilai RM70 juta dan RM31.5 juta, bagi membekalkan produk penjimatan tenaga dan sistem tenaga diperbaharui serta produk pakaian keselamatan industri, selepas mesyuarat meja bulat berkenaan.

Kehadiran Malaysia di UAE adalah satu penghargaan besar buat negara kerana Muhyiddin juga dijemput secara rasmi untuk menyampaikan ucap tama pada Sidang Kemuncak Transformasi Pendidikan 2012 yang julung kali diadakan di negara itu.

Ini tentunya sangat bertepatan dengan halatuju pendidikan negara, yang baru seminggu melancarkan Dialog Pendidikan Negara (DPN) dalam usaha transformasi pendidikan negara ini dalam menentukan pelan tindakan pendidikan dalam tempoh 10 hingga 15 tahun yang akan datang.

DPN menjemput semua pihak, tidak kira sama ada pertubuhan bukan kerajaan, ibu bapa dari semua kaum dan latarbelakang yang terbabit dalam isu ini tampil memberikan pendapat dan cadangan demi kebaikan masa depan negara.

Malah dalam satu sesi soal jawab, perantara majlis agak tersentak dengan kenyataan Muhyiddin yang menyebut "zaman kerajaan tahu semua perkara sudah berakhir" dan beliau menyoal bukankah kerajaan perlu membuat keputusan, tetapi semua itu dapat dijawab dengan tenang oleh Timbalan Perdana Menteri.

"Ya, kita memang perlu membuat keputusan tetapi bukan keputusan yang hanya kita (kerajaan) fikir terbaik. Sebab itu kita ambil pandangan dari pihak lain juga," katanya.

Kunjungan hormat Muhyiddin ke atas Menteri Pelajaran UAE Humaid Mohammed Obaid Al-Qatami juga dijangka membentuk satu kerjasama baru dalam bidang pendidikan negara itu terutama di peringkat sekolah menengah dan rendah selain perjanjian persefahaman di peringkat pendidikan tinggi yang kini masih belum diselesaikan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666522>